

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)**

**SOALAN : 34**

**Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :**

- (a) bilangan Kampung Tanpa Wayar di Sarawak; dan
- (b) bilangan Kampung Tanpa Wayar yang masih beroperasi di Sarawak.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2016 sebanyak 1,331 WiFi Komuniti - WK (dahulu dikenali sebagai Kampung Tanpa Wayar - KTW) telah dipasang di negeri Sarawak.
- (b) Kesemua 1,331 WK yang telah dipasang di negeri Sarawak masih beroperasi sehingga kini.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [ Sungai Petani ]**

**TARIKH : 25.5.2016**

**SOALAN : 35**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pelajar dari luar negara yang menuntut di kolej dan universiti tajaan Kerajaan membayar yuran kadar yang sama seperti yang dikenakan kepada pelajar tempatan. Jika ada perbezaan, berapa peratus perbezaan tersebut.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada suatu kaedah yang seragam dalam menetapkan yuran pengajian di kalangan Universiti Awam (UA) di Malaysia. Penetapan yuran pengajian dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk kos langsung dan tidak langsung, Nilai Sepadan Pelajar Sepenuh Masa (*Equivalent Full Time Student*), nisbah tenaga pengajar/pelajar, mod kerja kursus atau penyelidikan, daya saing dan sebagainya. Bagi sesetengah UA, penetapan yuran pengajian adalah berdasarkan kepada semester/pakej dan ada yang berdasarkan jam kredit/ unit yang diambil.

Bagi pelajar tempatan, penetapan yuran adalah tertakluk kepada faktor-faktor penetapan yuran oleh UA, namun dengan adanya pemberian subsidi oleh kerajaan, kadar yuran yang perlu dibayar adalah jauh lebih rendah daripada kadar yuran oleh pelajar dari Luar Negara yang terpaksa membayar mengikut kadar yuran sebenar.